

IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN merupakan sebuah Universiti Awam di Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

1. BUTIRAN JAWATAN

| | | |
|-------------------------|---|--|
| Jawatan | : | Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) – TNC (HEPA) |
| Kumpulan Perkhidmatan | : | Pengurusan Utama |
| Gred Jawatan | : | Gred Utama B (VU6) (Terbuka) |
| Taraf jawatan | : | Kontrak/ Peminjaman/ Pertukaran Sementara |
| Jadual Gaji (Min – Mak) | : | RM 8,650.00 hingga RM 24,030.00 |
| Tempoh Lantikan | : | Tiga (3) tahun; tertakluk kepada kelulusan Kementerian Pendidikan Tinggi |

2. KRITERIA UMUM

Pemilihan Timbalan Naib Canselor secara umumnya mestilah berdasarkan kepada kriteria-kriteria seperti berikut:

a) Kecemerlangan Akademik

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwaspit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

b) Pengiktirafan Antarabangsa

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

c) Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus

ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

d) Reputasi

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

e) Personaliti

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

f) Kriteria-kriteria lain yang difikirkan sesuai berdasarkan *niche area* Universiti.

3. KRITERIA KHUSUS

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria khusus seperti berikut:

a) Berkemampuan menguruskan urusan berkaitan Pembangunan dan Hal Ehwal Pelajar

Penyandang perlu mempunyai pengalaman dalam menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan hal ehwal pelajar. Ini adalah kerana penyandang bertanggungjawab menyelia aktiviti yang dianjurkan oleh Persatuan Pelajar, terutama Majlis Perwakilan Pelajar agar sebarang aktiviti yang dijalankan adalah selari dengan matlamat penubuhan Universiti dan tidak bercanggah dengan dasar-dasar semasa Kerajaan.

b) Aktif dalam Ko-kurikulum dan berpengetahuan dalam merekabentuk dan melaksanakan Ko-kurikulum berkredit serta Program Pembangunan Pelajar secara Holistik

Penyandang mestilah mahir dalam merekabentuk ko-kurikulum berkredit berteraskan Hasil Pembelajaran (LO) dan Kemahiran Insaniah (KI) serta aras taksonomi pembelajaran yang selaras dengan atribut afektif yang perlu dihasilkan melalui ko-kurikulum. Calon perlu berpengalaman dalam menterjemah ko-kurikulum berkredit kepada program memperkasakan pelajar serta berupaya memberi kesedaran, dorongan dan galakan kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dalam usaha melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

c) Penglibatan dalam Jawatankuasa yang berkaitan Hal Ehwal Pelajar

Penyandang jawatan ini akan terlibat dalam Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, Jawatankuasa Tatatertib Pelajar dan Jawatankuasa-Jawatankuasa lain yang berkaitan dengan hal ehwal pelajar. Oleh yang demikian, penyandang mestilah seorang individu yang *service-oriented* dan sentiasa bersedia mendekati pelajar bagi menjaga kebajikan mereka tidak kira siang ataupun malam. Penyandang juga

perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang psikologi dan kaunseling/rundingcara sebagai asas untuk mendekati pelajar dan mengetahui permasalahan mereka.

d) Berpengalaman dalam menguruskan kolej-kolej kediaman

Penyandang mestilah mempunyai asas dalam pengurusan. Ini adalah kerana pengurusan kolej-kolej kediaman di Universiti merupakan tanggungjawab dan berada di bawah bidang kuasa TNC (HEPA). Penyandang mestilah mempunyai kemahiran dalam penyelesaian masalah bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan pelajar agar perkhidmatan yang disediakan ini dapat melahirkan dan mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

e) Mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan alumni

Penyandang mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan alumni. Ini adalah kerana pewujudan alumni adalah penting sebagai salah satu teras kepada pembangunan dan kemajuan Universiti.

4. CARA MEMOHON

Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlu mengemukakan permohonan rasmi beserta dokumen seperti di bawah :

- i. *Curriculum Vitae (CV)* Kepimpinan (seperti format di **Lampiran 1**)
- ii. *Curriculum Vitae (CV)* penuh calon yang memohon
- iii. Kertas cadangan ringkasan mengenai wawasan dan perancangan jangka pendek dan jangka panjang sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMK.

- Calon yang berminat perlu mengemukakan borang permohonan bersama dokumen-dokumen (secara *hardcopy* dan *softcopy*) seperti berikut:

Dokumen *hardcopy* : **PENDAFTAR
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
16300 BACHOK
KELANTAN DARUL NAIM
(No. Telefon : 09-7797663)**

Dokumen digital : **erewan.ah@umk.edu.my**

- Tarikh tutup permohonan : **23 Mac 2025**

- Calon-calon yang berkelayakan dan memenuhi kriteria sahaja akan disaring untuk disenarai pendek/ dipanggil temu duga.

TAMAT